

Tentera Russia mesti berkecualli: PM

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia mahu tentera Russia yang akan menyertai Pasukan Perlindungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia-Herzegovina (Unprofor) mengambil pendirian berkecualli, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun memihak kepada pengganas Serb, tentera Russia dalam Unprofor mesti berkecualli dan memastikan proses rundingan dengan pemimpin Bosnia, mencapai matlamat.

"Kita berharap mereka tidak memihak. Kita berharap Russia akan terus berkecualli dan membantu proses perlucutan senjata di pihak pengganas Serb serta memastikan rundingan dengan pemimpin Bosnia tidak diancam oleh pengganas Serb," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya pemberita selepas beliau melancarkan Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia (Yatim) di Pusat Islam, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan mengenai Russia, yang buat pertama kalinya menghantar tentera menyertai misi Unprofor ke Bosnia, tetapi dikhuatiri menyebabkan kedudukan pengganas Serb semakin kuat.

Mengenai laporan terbaru bahawa pengganas Serb setuju untuk berundur dari Sarajevo berikutan permintaan dari Russia, Dr Mahathir berkata, Russia harus meminta pengganas Serb mengundurkan semua senjata berat mereka dari Bosnia-Herzegovina dan bukan setakat dari Sarajevo.

Menurut Perdana Menteri, hanya dengan cara itu membolehkan pemimpin Bosnia menyertai rundingan tanpa merasakan keselamatan mereka diancam.

"Sarajevo bukan segala-galanya. Seluruh Bosnia mesti dibebaskan daripada pengganas Serb dan mereka mesti mengundurkan semua senjata mereka. Dengan cara itu, mereka boleh melakukan rundingan dan pemimpin Bosnia yang hadir tidak merasa diancam.

"Jika Russia jujur, ia mesti meminta pengganas Serb berundur dan menghentikan pertelingkahan dan kemudian mengadakan rundingan," katanya.

Beliau berkata, adalah tidak adil meminta Presiden Alija Izetbegovic mematuhi ketetapan yang dikenakan sedangkan beliau tidak bebas menentukan pendirian kerana ancaman senjata daripada pengganas Serb.

"Anda sudah pasti tidak boleh berunding jika pihak lain mengacukan senjata ke arah anda. Ini adalah tidak adil," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan pengganas Serb membunuh penduduk Bosnia dan pada masa yang sama meminta diadakan rundingan adalah cara yang tidak betul.

Mengulas mengenai Amerika Syarikat yang mungkin mengenakan sekatan perdagangan ke atas Jepun berikutan kegagalan pemimpin kedua-

Tentera Russia mesti berkecualli: PM

DARI MUKA 1

dua negara dalam perjanjian perdagangan, minggu lalu. Dr Mahathir berkata:

"Kerajaan sedang mengkaji perkara itu. Ketika ini kita belum pasti kesannya kepada Malaysia.

"Bagaimanapun, kita setuju apabila membuka pasaran kepada semua maka tidak harus ada sebarang kuota import tertentu ke atas mana-mana pihak. Anda beli apa yang anda fikir ia baik dan apa yang anda perlu, bukan atas asas me-

menuhi kuota."

Ditanya sama ada kegagalan itu turut memberi kesan kepada Rundingan Pusingan Uruguay Bagi Dagangan Pelbagai Hala serta Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), Perdana Menteri berkata:

"Amerika Syarikat sudah menarik beberapa barangan dari apa yang mereka persetujui dalam Rundingan Pusingan Uruguay. Ini adalah petanda yang tidak baik," katanya.

LIHAT MUKA 2